

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah segera bagi melaksanakan pembinaan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Sik yang telah diluluskan sebelum ini serta infrastruktur yang berkaitan khususnya bekalan air yang masih belum tersedia untuk kegunaan projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembinaan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Sik adalah projek RMKe-11 yang telah diluluskan dengan kos sebanyak RM100 juta.
2. Makmal Pengurusan Nilai MRSM Sik telah dilaksanakan pada 1 – 5 April 2019 dan 17 Julai 2019. Makmal Kejuruteraan Nilai (VE) dijangka akan dilaksanakan pada bulan November 2019.
3. KPLB sedang dalam proses mendapatkan kelulusan bagi kerja naik taraf loji air Jeniang agar dapat menyelesaikan masalah tekanan air rendah projek pembinaan MRSM Sik.